

Penyelewengan Dalam AJARAN AL-ARQAM

Al-Arqam merupakan salah satu ajaran salah yang terawal difatwakan di Selangor dan ajaran kedua difatwakan selepas Fatwa Ajaran Salat (Haji Kahar) sebagaimana direkodkan di dalam buku Warta Kerajaan Fatwa Ajaran Sesat terbitan Jabatan Mufti Negeri Selangor. Al-Arqam juga merupakan antara ajaran yang berrevolusi dan sudut penjenamaan dan penampakan. Bahkan kumpulan ini juga amat berbangga dengan jumlah pengikut setia yang ramai.

Sejarah Al-Arqam

Pada tahun 1968 Asaari bin Muhammad bersama beberapa orang sahabatnya telah menubuhkan sebuah kumpulan yang dinamakan dengan Kumpulan Rumah Putih di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur, ia ditubuhkan dengan misi kononnya untuk menyedarkan umat Islam, agar lebih menghayati makna Islam. Namun beberapa tahun selepas itu, kumpulan ini telah menurunkan nama gerakan mereka kepada Darul Arqam.

Beberapa tahun selepas itu tersebar khabar angin tentang ajaran Aurad Muhammadiyah yang diamalkan oleh Asaari Muhammad dan pengikutnya. Hal ini seterusnya mengundang kepada beberapa siri pengisytiharaan keluar dari jemaah tersebut oleh beberapa orang kuat Darul Arqam dan juga pemecatan beberapa individu yang berpengaruh dalam kumpulan tersebut. Perkara ini mendapat perhatian pihak media massa kerana reputasi Darul Arqam ketika itu yang dilihui agak terkehadapan di dalam menjana ekonomi kumpulan mereka.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memanggil Asaari Bin Muhammad untuk mendapatkan penjelasan berkaitan isu tersebut dan beberapa isu berkaitan Aurad Muhammadiyah. Berdasarkan pengakuannya beliau mengaku tidak menyebarkan Aurad Muhammadiyah, namun pada masa yang sama tidak menafikan mengamalkannya.

Asaari Muhammad seterusnya mengeluarkan kenyataan akhbar menafikan bahawa beliau pernah mengatakan bahawa individu yang bertanggungjawab membawa Aurad Muhammadiyah iaitu Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Suhaimi yang telah meninggal dunia pada tahun 1925 akan hidup semula sebagai Imam Mahdi di akhir zaman.

Rentetan dari beberapa isu akidah yang melanda Asaari Bin Muhammad dan kumpulannya itu, akhirnya jawatankuasa fatwa negeri-negeri telah memutuskan bahawa fahaman Aurad Muhammadiyah pegangan kumpulan Darul Arqam yang terkandung di dalam dua buah buku laitut yang bertajuk "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Al-Arqam Sekaligus Menjawab Tuduhan" dan buku "Manaqib (riwayat hidup) Syeikh Muhammad Abdullah As-Suhaimi" adalah bertentangan dengan akidah dan syariat Islam. Kedua-dua buah buku tersebut turut diharapkan kerana dibimbangi akan mengeliru dan menyesatkan umat Islam.

Berikut itu, Asaari Bin Muhammad dan beberapa pemimpin kakan kumpulan tersebut ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang kemudiannya membuat pengakuan tentang penyelewengan Al-Arqam. Asaari Bin Muhammad akhirnya dibekasikan dari tahanan rumah dan akhirnya meninggal dunia pada tahun 2010.

CUBAAN MENGHIDUPKAN SEMULA AL-ARQAAM

Segala polemik yang melanda Asaari Bin Muhammad dan kumpulannya itu tidak sedikitpun melunturkan semangat Hatijah Aam atau beliau dikenali dengan Ummu Jahl beliau merupakan isteri kepada Asaari Bin Muhammad. Ummu Jahl dikesan cuba menghidupkan semula ajaran Aurad Muhammadiyah melalui Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn. Bhd. (SRC) ketika sauminya masih lagi dalam tahanan ISA.



Justeru pada 21 Disember 2006, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bersetuju untuk memutuskan bahawa Buku yang bertajuk "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus menjawab tuduhan" yang ditulis oleh ustaz Asaaria Muhammad; dan "Manaqib (Riwayat hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi" yang ditulis oleh Mohamad Taha as-Suhaimi telah diharapkan kerana didapati kedua-dua buku tersebut mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan al-Arqam sebagaimana difatwakan pada 11 Ogos 1994.



Akhirnya pada November 2013 di dalam satu majlis pengisytiharaan taubat, Ummu Jahl mengetui 300 pengikut kumpulan itu melafazkan taubat dan mendatangkan dokumen pengisytiharaan taubat di hadapan Pengurus Majlis Fatwa Kebangsaan Tan Sri Abdul Shukur Hussein, Timbalan Mufti Jabatan Mufti Selangor Datuk Abdul Majid Omar dan Pengarah Jais, Datuk Marzuki Hussin, Turut hadir, Ketua Polis Selangor Datuk Mohd Shukri Dahlan.



Fatwa Selangor

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bersetuju untuk memutuskan bahawa Buku yang bertajuk "Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus menjawab tuduhan" yang ditulis oleh ustaz Asaaria Muhammad; dan "Manaqib (Riwayat hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah as-Suhaimi" yang ditulis oleh Mohamad Taha as-Suhaimi telah diharapkan kerana didapati kedua-dua buku tersebut mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman yang sama dengan al-Arqam sebagaimana difatwakan pada 11 Ogos 1994.



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
Majlis Agama Islam Selangor

Kesimpulan
Meskipun terdapat pernisyiharaan taubat daripada kumpulan ini namun fatwa yang pernah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tidak pernah ditarik balik kerana dipercayai masih ada saki baki pengikutnya yang mengamalkan ajaran yang telah diharamkan ini.

Justeru umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Selangor mestilah sentiasa cakna dan peka serta menjauhi diri dari sebarang aktiviti yang mempunyai ciri-ciri yang telah disebutkan di atas serta mengelakkannya dari segala bentuk ajaran dan fahaman yang merugikan. Segera laporan segala aktiviti yang merugikan kepada Pihak Berkewusa Agama bagi membendung penularan ajaran yang boleh merosakkan akidah, syariah serta akhlak umat Islam.